

Majlis Anugerah Cemerlang Sekolah Perubatan bagi Tahun 2009 telah berlangsung pada 17 Januari 2010 bertempat di Beverly Hotel, Kota Kinabalu. Majlis ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof Dr Amran Ahmad.

Ucapan aluan telah disampaikan oleh Prof Dr Osman Ali, Dekan Sekolah Perubatan. Dalam ucapan beliau, beliau berharap Majlis Anugerah Cemerlang ini menjadi pemangkin ke arah menggalakkan pencapaian cemerlang kakitangan dan pelajar SPU seterusnya memacu transformasi Jabatan selaras dengan visi dan misi jabatan. Selain itu, beliau juga menyeru agar warga SPU terus berusaha dengan gigih dan ikhlas demi memastikan kakitangan dapat memberikan perkhidmatan terbaik dan berkualiti sepanjang masa.

Timbalan Naib Canselor, Prof Dr Amran Ahmad, dalam ucapan perasmian beliau menyatakan bahawa Anugerah Cemerlang ini merupakan pengiktirafan berharga yang diberikan oleh pihak Sekolah ke atas pengorbanan dan khidmat bakti cemerlang yang telah dicurahkan oleh para pegawai dan kakitangan SPU sepanjang tahun 2009. Beliau juga yakin bahawa persaingan sehat yang diwujudkan mampu membentuk sebuah masyarakat Jabatan yang kreatif, inovatif dan membantu memartabatkan bidang ilmu itu sendiri.

Seramai lebih kurang 143 pelajar dan 40 orang kakitangan SPU telah menerima Anugerah Cemerlang pada tahun ini. Antara anugerah yang diberikan pada tahun ini ialah Best Student Award, Dean's List Award, Best Group Award, Best Health Promotion Group Award, Dean's Special Award dan Extra Curricular Award untuk para pelajar. Bagi kakitangan SPU pula, anugerah yang terlibat adalah Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kakitangan Pengurusan & Profesional, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kakitangan Sokongan, Anugerah Perkhidmatan Terpuji Kakitangan Pengurusan & Profesional, Anugerah Perkhidmatan Terpuji Kakitangan Sokongan, Committed Staff Award, Caring Staff Award, Talented Staff Award, Potential Staff Award, Extension Activities Staff Award, Research Leadership Award, Research and Innovative Staff Award, Dean's Special Award, dan Sports Leadership Award.

Majlis APC kali ini juga telah diserikan dengan persembahan tarian dari para pelajar Diploma Kejururawatan. Selain itu, hadirin dikejutkan dengan persembahan nyanyian lagu Kadazan yang dinyanyikan oleh Mohd Zulfadlee dan Fifi Muzamil, Dr Sophie dari Pusat Rawatan Warga turut menunjukkan bakat beliau bermain biola.

